

Ahli bank Bangladesh menang hadiah Nobel

Muhammad Yunus bantu tingkat ekonomi warga miskin, wanita

OSLO: Pengasas perkhidmatan kredit mikro Bangladesh Muhammad Yunus dan Grameen Bank yang diasaskannya memenangi hadiah Keamanan Nobel kerana usaha mereka meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi golongan miskin, terutama wanita.

Tokoh ekonomi itu dan bank berkenaan berkongsi hadiah itu yang diumumkan di Oslo semalam. Mereka dipuji kerana memperkenalkan usaha inovatif membantu golongan miskin.

"Setiap individu perlu diberi peluang untuk hidup dengan sempurna. Yunus dan Bank Grameen sudah menunjukkan walaupun yang paling daif boleh berusaha meningkatkan kedudukan mereka," kata Jawatankuasa Nobel.

"Saya sangat gembira. Saya tidak boleh percaya yang saya diberikan anugerah itu," kata Yunus menerusi telefon. "Semua orang memberitahu saya yang saya mungkin memenangi hadiah itu tetapi ia tetap memeranjatkan apabila diumumkan.

"Ia adalah berita yang baik untuk mereka yang menyokong usaha kita ini."

Kredit mikro adalah pemberian pinjaman kecil kepada usahawan miskin yang mungkin tidak layak untuk mendapatkan pinjaman daripada bank.

Bank Gramee yang diasaskan Yunus, menyediakan kredit kepada golongan paling miskin di kawasan luar bandar Bangladesh, tanpa meminta sebarang sandaran.



Bank itu mempunyai 6.6 juta peminjam, 97 peratus daripadanya wanita dan menyediakan perkhidmatan kepada 70 kampung di Bangladesh.

Hadiah Keamanan Nobel tahun ini membariskan beberapa calon Islam selain Yunus.

Antara yang dicalonkan adalah ahli perniagaan wanita China beragama Islam yang dipenjarakan selama enam tahun tanpa diberikan penjelasan, Rebiya Kadeer.

Rebiya ialah anggota minoriti Islam Uighur dari kawasan autonomi Xinjiang di barat laut China. Secara

etnik mereka dari keturunan Asia Tengah, bukan Cina.

Rebiya ditahan pada 1999 ketika mendekati sebuah hotel untuk bertemu dengan anggota Perkhidmatan Penyelidikan Kongres Amerika Syarikat (AS) yang sedang menantinya.

Dia dikurung di sel pengasingan selama tiga tahun dan dibebaskan tahun lalu selepas didesak AS dan beberapa negara lain.

Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dari Indonesia adalah seorang lagi yang dicalonkan kerana membawa keamanan di Aceh. - AP